

PASTIKAN PROGRAM DIANJUR AMAN

Akta Perhimpunan Aman 2012 yang diluluskan pada 24 November 2011, sepatutnya diraikan seluruh rakyat Malaysia tanpa kekecohan sepertimana yang dibenarkan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

Kejadian pada program *Nothing to Hide 2.0* baru-baru ini, sepatutnya tidak berlaku kerana sebagai sebuah negara yang mengiktiraf kebebasan berhimpun, rakyat Malaysia sepatutnya dapat kawal emosi.

Peguam, Noorazmir Zakaria berkata, mana-mana penganjur mahupun peserta sesuatu perhimpunan aman, kedua-duanya mempunyai tanggungjawab masing-masing bagi memastikan sesuatu perhimpunan aman itu mencapai objektif dan terhindar sebarang anasir yang tidak diinginkan hingga menyebabkan sifat berubah dari berhimpun secara aman kepada situasi mencetuskan keganasan.

"Sebagai contoh, Seksyen 6 Akta Perhimpunan Aman 2012, memberikan beberapa garis panduan kepada penganjur antaranya memastikan penganjuran perhimpunan aman tidak membahayakan atau



mencegah sebarang insiden yang mungkin membahayakan peserta mahupun orang awam.

"Begitu juga peserta sesuatu perhimpunan aman yang turut tertakluk Seksyen 7 Akta Perhimpunan Aman 2012. Seksyen 7 secara jelas melarang mana-mana peserta membuat sebarang kekacauan, gangguan, bertindak ganas, menghamburkan kata-kata yang boleh menyemarakkan kebencian serta merosakkan harta," katanya.

Bagi tujuan mencegah keganasan sebegini, Seksyen 8 akta sama juga memperuntukkan pihak polis boleh mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi memastikan perjalanan perhimpunan aman ini berjalan menurut kehendak Akta Perhimpunan Aman 2012.

"Sebagai pendukung demokrasi perparlimen di negara kita, rakyat Malaysia seharusnya lebih bijak mengawal emosi dan tingkah laku yang boleh mencemarkan nama baik negara kita. Insiden pada program *Nothing to Hide 2.0* baru-baru ini, sedikit sebanyak menimbulkan persoalan kesediaan rakyat Malaysia secara mental, emosi dan fizikal untuk berbeza pandangan isu mahupun perkara.



"Seharusnya, Malaysia sudah jauh lebih ke hadapan berbanding negara barat seperti Amerika Syarikat yang kini masih tidak lekap dengan unsur perkauman dan penindasan terhadap kaum minoriti," katanya.

Ditanya penyelesaian terbaik bagi menghadapi kejadian sama berulang, Noorazmir berkata penganjur perlu lebih bersedia dengan meramaikan lagi pegawai keselamatan dan kerjasama badan beruniform seperti Rela mahupun polis. Apatah lagi jika ia melibatkan program yang berbentuk politik.

"Kedua, pihak kerajaan mungkin boleh mempertimbangkan untuk memperkenalkan siri-siri perdebatan mahupun perbahasan secara langsung di TV agar ia boleh jadi satu bentuk pendedahan tidak langsung kepada rakyat menerima perbezaan pandangan.

"Sedikit sebanyak, rakyat Malaysia akan jadi

terbiasa dengan program perdebatan sehat sebegini dan tidak mudah menjadi emosi.

"Malah, ia boleh memberikan kredit kepada kerajaan yang akan dilihat semakin terbuka untuk membahaskan isu mahupun perkara sambil disaksikan semua rakyat," katanya.

Katanya lagi, Malaysia adalah negara yang unik kerana Perlembagaan Persekutuan telah pun memberi peruntukan adil serta saksama sesama bangsa dan agama.

"Selain Islam sebagai Agama Persekutuan dan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, penganut agama dan bangsa lain di negara kita bebas amal agama dan kefahaman masing-masing tanpa paksaan. Ini seharusnya dijadikan tauladan sempurna kepada negara lain yang konon jauh ke hadapan dalam demokrasi mahupun arus kemodenan, hakikatnya mereka masih jauh ke belakang dari sudut modal insan," katanya.

Balas dengan sopan, sabar, berhemah

KETEGANGAN antara penyokong parti-parti politik sekarang berkemungkinan besar disebabkan oleh menjelangnya PRU14 tidak lama lagi.

Timbalan Setiausaha Agung Parti Amanah Negara, Abang Ahmad Kerdee Abang Masagus berkata, pertembungan ini akan terus berlaku sehingga PRU14 kerana ramai melihat PRU kali ini adalah 'ibu pilihan raya'.

Namun katanya, tindakan ganas seperti itu sepatutnya tidak berlaku kerana ia bertentangan undang-undang dan moral, malah ia bukannya budaya di Malaysia.

"Sepertimana yang saya katakan tadi, kita ada Rukun Negara. Malah kita ada Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi dalam negara. Kita ada sistem bernegara. Politik ganas ini boleh kita 'mati'kan bila mana semua rakyat bersatu di dalam banyak perkara.

"Sebagai contoh jika kita boleh lihat pada penganjuran Bersih 5 sebelum ini, juga berlaku pelbagai insiden atau politik ganas ini oleh pihak-pihak tertentu. Tapi bila satu pihak lagi mengamalkan politik budiman Rahmatan Lil Alamin yakni 'membalas' (politik ganas) itu tadi dengan sopan, sabar dan berhemah (walaupun diherdik, dipukul, dicaci dan sebagainya), akhirnya politik ganas ini akan tewas dan dilihat jijik oleh orang ramai," katanya.

Katanya lagi, jika terdapat pihak yang terlalu

bertuankan politik, maka kejadian seperti ini sukar dihapuskan, namun ia masih belum terlambat di Malaysia dan individu yang ganas ini boleh diperbetulkan.

"Teori politik anarki ni walaupun 'sudah berpijak' di bumi Malaysia, pada saya ianya masih belum mendasar. Ianya baru berputik. Walaupun 'pengikutnya' pada pandangan saya masih kecil, tapi hakikatnya ia tidak sesuai dengan budaya dan amalan di Malaysia, itu secara realiti dan pasti. Keamanan dan keselamatan orang awam Insha ALLAH akan terjamin sekiranya Rukun Negara kita amati, cermati dan amalkan secara bersama.

"Tapi pada saya, yang lebih berbahaya dan teruk adalah bila ada yang berputus hubungan (sama ada suami-isteri, adik-beradik, ibu bapa anak) atas sebab politik. Ini sesuatu yang membimbangkan. Walaupun trend ini telah lama berlaku dan kini semakin menular, ianya wajib diperbetulkan. Kita kena didik semua peringkat umur mengenai soal kemanusiaan, integriti, tatakelola yang efisien dan asas kehidupan masyarakat yang berbilang kaum seperti di Malaysia," katanya.

Ditanya jalan terbaik menghapuskan politik ganas di



Malaysia katanya, kita boleh kawal bila menghormati semua pihak atas dasar kemanusiaan dan keadilan.

"Memang benar kita berbeza aliran, malah kita juga mungkin berbeza agama, bangsa, keturunan atau warna kulit, tetapi perbezaan itu jika semua pihak sama ada dua pihak atau tiga pihak atau beberapa pihak sekalipun saling hormati satu sama lain atas dasar kemanusiaan (insani) dan keadilan. Insha-ALLAH, kita boleh mengawalinya.

"Jika kita hanya sempitkan isu hingga perbalahan hanya atas pertimbangan, politik atau agama atau undang-undang semata-mata, tanpa ambil kira dasar kemanusiaan dan keadilan, saya kira polemik caci dan memburuk-buruk tadi tidak akan terungka. Saya ambil contoh mudah, bila wujud Parti Amanah Negara dengan singkatan diluluskan Pendaftar Pertubuhan dengan nama Amanah, ada yang 'memanggil' kami dengan PAN.

"Sebagai ahli dan pimpinan Amanah sudah pasti saya akan marah atau terasa hati bila ada yang panggil PAN. Saya sudah mohon untuk dipanggil Amanah (diluluskan sistem yang kita sama-sama di dalamnya), maka panggilah dengan nama yang diminta," katanya.